

# QasehBakti Plus

Pelan Insurans Kesihatan Menjamin Kesejahteraan  
Semasa Penghospitalan



Apabila anda beransur pulih di hospital, perkara terakhir yang anda ingin bimbangkan adalah beban kewangan yang ditanggung oleh keluarga anda akibat kehilangan pendapatan.

Qaseh Bakti Plus merupakan pelan insurans kesihatan yang menyediakan penggantian pendapatan jika berlakunya penghospitalan yang tidak dijangka bagi meringankan beban kewangan anda, supaya anda boleh memberi tumpuan sepenuhnya dalam proses pemulihan.



Manfaat Tunai Penghospitalan Harian sehingga **RM200/hari** bagi punca berkaitan kemalangan



Manfaat Tunai Penghospitalan Harian sehingga **RM100/hari** bagi punca berkaitan bukan kemalangan



Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan sehingga **RM100/hari** jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi



Manfaat Kematian akibat Bukan Kemalangan sehingga **RM2,500** bagi punca berkaitan bukan kemalangan



Manfaat Kematian akibat Kemalangan sehingga **RM5,000** bagi punca berkaitan kemalangan



Kadar Premium mampu milik dari **RM0.17/hari**

Gambar adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.  
Tertakluk pada terma dan syarat.

Anda boleh memilih daripada pelan berikut berdasarkan keperluan anda. Qaseh Bakti Plus adalah pelan insurans hayat kumpulan bertempoh tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun (pembaharuan adalah tidak terjamin) dengan tempoh perlindungan sehingga umur 58 (umur pembaharuan terakhir ialah 57 tahun).

## Jadual Manfaat

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Manfaat Kematian akibat Bukan Kemalangan <sup>1</sup>	1,000	2,000	2,500
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	2,000	4,000	5,000
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Bukan Kemalangan <sup>12</sup>	40	80	100
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Kemalangan <sup>2</sup>	80	160	200
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi <sup>12</sup>	40	80	100
Premium Tahunan	60	120	150

- <sup>1</sup> Tertakluk kepada Tempoh Menunggu 30 hari bagi punca berkaitan Bukan Kemalangan.
- <sup>2</sup> Gabungan had tahunan adalah setinggi 14 hari bagi setiap tahun untuk Manfaat Tunai Penghospitalan dan had tahunan akan dipulihkan jika Sijil diperbaharui. Manfaat Tunai Penghospitalan tidak akan terkumpul dan akan dipulihkan setiap Ulang Tahun Sijil.


Qaseh Bakti Plus memberikan sokongan kewangan supaya anda boleh memberi tumpuan sepenuhnya kepada pemulihan anda semasa penghospitalan.

Berikut adalah bagaimana Qaseh Bakti Plus membantu anda dengan pembayaran pendapatan harian apabila anda dimasukkan ke hospital.

## Senario Tuntutan

Zaidi, seorang individu yang dilindungi di bawah Pelan 3, memulakan polisinya pada 1/2/2024, telah dimasukkan ke hospital akibat kemalangan dan dikeluarkan selepas 30 hari di hospital.

Sepanjang tempoh yang mencabar ini, Zaidi layak untuk menerima **Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Kemalangan**, sebanyak RM200 sehari.



Jumlah manfaat tunai penghospitalan yang akan diterima oleh Zaidi ialah **RM4,000\***

\*RM200 × 6 hari (dari 26/1/2025 hingga 31/1/2025) + RM200 × 14 hari (dari 1/2/2025 hingga 14/2/2025)

## Soalan-soalan Lazim

### Adakah saya layak?

Qaseh Bakti Plus ditawarkan kepada semua warga Malaysia berumur 18 hingga 55 tahun berdasarkan hari jadi berikutnya. Pemohon yang layak harus berfikirannya waras.

Tertakluk pada terma dan syarat.

## Berapakah harganya?

Premium adalah serendah RM60 setahun, bergantung pada pelan yang dipilih.

Untuk terus menikmati perlindungan sehingga umur 58 tahun, anda perlu membayar premium sepanjang tempoh perlindungan.

## Bagaimanakah saya boleh beli atau ketahui maklumat lebih lanjut tentang Qaseh Bakti Plus?

Anda boleh membeli Qaseh Bakti Plus atau mengetahui lebih lanjut di [fwd.com.my/i2u/qaseh-bakti](http://fwd.com.my/i2u/qaseh-bakti) atau kunjungi cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat.

## Bagaimanakah saya boleh membayar premium untuk pelan yang dipilih?

Anda boleh membayar premium di cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat atau melalui perbankan dalam talian (FPX) atau menggunakan kad debit/kredit anda melalui gerbang pembayaran yang selamat.

## Bagaimana saya boleh memperbaharui pelan saya sebelum ia tamat?

Untuk kemudahan anda, sila pilih pembaharuan automatik semasa pembelian atau semasa ulang tahun sijil. Harap maklum bahawa pemilihan pembaharuan automatik tidak bermaksud bahawa pelan anda adalah terjamin untuk diperbaharui semasa ulang tahun sijil.

Keputusan untuk memperbaharui polisi adalah tertakluk pada budi bicara FWD Insurance. Anda akan dimaklumi melalui notis 60 hari terlebih dahulu sekiranya kami tidak memperbaharui polisi anda.

## Apakah itu Perlindungan Tenang?

Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluaskan perlindungan sosial kepada golongan berpendapatan rendah.

Qaseh Bakti Plus adalah produk di bawah Perlindungan Tenang, yang mudah untuk anda membeli atau menyertai pelan perlindungan insurans kesihatan yang berpatutan dan mudah difahami, dengan proses tuntutan yang mudah.

Tertakluk pada terma dan syarat.

## Bagaimana keluarga saya boleh membuat tuntutan kematian?

**Langkah 1** Muat turun Borang Tuntutan Kematian di [fwd.com.my/claims/#insurance](http://fwd.com.my/claims/#insurance) dan lengkapkan borang tersebut

**Langkah 2** Sediakan dokumen-dokumen yang berikut:

- Salinan Sijil Kematian
- Salinan Kad Pengenalan
- Bukti hubungan
- Salinan laporan polis (untuk kematian akibat kemalangan)

**Langkah 3** Hantar dokumen ke cawangan FWD dan BSN yang terdekat

## Bagaimana saya boleh membuat tuntutan manfaat tunai penghospitalan harian?

**Langkah 1** Muat turun Borang Tuntutan Hospital dan Pembedahan Bahagian I di [fwd.com.my/claims/#insurance](http://fwd.com.my/claims/#insurance) dan lengkapkan borang tersebut

**Langkah 2** Sediakan dokumen-dokumen yang berikut:

- Salinan Notis Discaj
- Salinan Kad Pengenalan

**Langkah 3** Emel dokumen-dokumen tuntutan ke [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com)

Kami berhak untuk meminta dokumen-dokumen tambahan, jika diperlukan. Untuk mempercepatkan pembayaran wang tuntutan polisi, sila muat turun dan lengkapkan Borang Penamaan di laman web kami [fwd.com.my/support/forms/#insurance](http://fwd.com.my/support/forms/#insurance)

---

## Berapa lama masa yang diperlukan untuk memproses tuntutan saya?

Ia mengambil masa sehingga 5 hari bekerja (untuk Manfaat Kematian) dan sehingga 7 hari bekerja (untuk Manfaat Tunai Penghospitalan) untuk memproses tuntutan selepas penerimaan dokumentasi yang diperlukan daripada anda.

## Apakah sebahagian daripada pengecualian utama di bawah produk ini?

Semua manfaat TIDAK akan dibayar jika tuntutan adalah akibat daripada:

Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri

Bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari permulaan Sijil, tanpa mengira keadaan mental.

Tindakan berperang

Tindakan berperang (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

Tindakan menyalahi undang-undang

Apabila Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

Manfaat Tunai Penghospitalan TIDAK akan dibayar jika penghospitalan adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan sedia ada, pembedahan plastik/kosmetik, keadaan atau rawatan gigi termasuk pembedahan oral, apa-apa rawatan untuk kelainan kongenital, kehamilan, bersalin atau kelahiran anak.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Helaian Keterangan Produk atau Polisi Induk.

Sila layari [fwd.com.my/i2u/qaseh-bakti](http://fwd.com.my/i2u/qaseh-bakti) untuk maklumat lanjut.

### Nota Penting

Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah bersesuaian untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu.

Kadar premium pembaharuan pelan ini adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak kadar premium dengan memberikan notis 90 hari terlebih dahulu kepada anda.

Anda diberikan tempoh tenggang selama 31 hari selepas tarikh tamat tempoh untuk membuat pembayaran premium anda. Kegagalan untuk membayar premium boleh menyebabkan perlindungan ditamatkan.

Tempoh Pengamatan Percuma selama 15 hari diberikan untuk anda menyemak kesesuaian pelan selepas anda menerima sijil. Jika anda memaklumkan kami untuk membatalkan sijil anda dalam tempoh ini, semua premium yang telah dibayar akan dikembalikan kepada anda, tanpa faedah, dan sijil akan dianggap terbatal dari permulaan.

Jika terdapat sebarang perbezaan antara risalah versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja. Ia bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk dan contoh dokumen polisi untuk ciri-ciri penting dan manfaat pelan yang terperinci sebelum membeli pelan.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sila rujuk kepada kakitangan cawangan Bank Simpanan Nasional untuk maklumat lanjut.



# PERLINDUNGAN *tenang* MAMPU & MUDAH

## Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Dengan kerjasama



Persatuan Insurans Hayat Malaysia  
Life Insurance Association of Malaysia



MALAYSIAN TAKAFUL  
ASSOCIATION



\*Tertakluk pada terma & syarat

Lawati cawangan Bank Simpanan Nasional terdekat anda di [bsn.com.my/page/locate-us](https://www.bsn.com.my/page/locate-us) atau layari [www.bsn.com.my](https://www.bsn.com.my)

Pelan ini diedarkan oleh **Bank Simpanan Nasional**

Ibu Pejabat  
Wisma BSN  
117, Jalan Ampang,  
50450, Kuala Lumpur  
Pusat Hubungan: 1300 88 1900  
Laman Web: [www.bsn.com.my](https://www.bsn.com.my)

Pelan ini diunderait oleh **FWD Insurance Berhad 199301022976 [277714-A]**

(dahulunya dikenali sebagai Gibraltar BSN Life Berhad)

Ibu Pejabat  
Level 21, Mercu 2, KL Eco City  
No. 3, Jalan Bangsar  
59200 Kuala Lumpur.  
Talian Khidmat Pelanggan: 1300 22 6262  
E-mel: [ask@fwd.com](mailto:ask@fwd.com)  
Laman Web: [www.fwd.com.my](https://www.fwd.com.my)

FWD Insurance Berhad ialah sebuah syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia di bawah Bank Negara Malaysia.

FWD Insurance Berhad merupakan ahli PIDM. Manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk risalah TIPS PIDM, atau hubungi FWD Insurance Berhad, atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](https://www.pidm.gov.my)).